

TEKS UCAPAN
DATO' YANG DIPERTUA
MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI
MAJLIS PELANCARAN ANUGERAH SEKOLAH HIJAU 2017
16 FEBRUARI 2017 (KHAMIS), 9.30 PAGI

Yang Berusaha Puan Sohana Kasim

Pengurus Sumber Manusia,
Continental Automative Malaysia Sdn.Bhd

Yang Dihormati Ahli- Ahli Majlis

Majlis Perbandaran Seberang Perai

Yang Berusaha Tuan Sr Hj Rozali bin Hj Mohamud

Tuan Setiausaha Perbandaran MPSP

Ketua - ketua Jabatan dan Pegawai

Majlis Perbandaran Seberang Perai

Rakan - rakan Media

Tuan - tuan dan puan - puan yang dihormati sekalian

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, selamat pagi dan salam sejahtera,

Pertama sekali saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan ribuan terima kasih kepada Continental Automative Malaysia Sdn Bhd kerana masih sudi menjadi penaja kepada Program Anugerah Sekolah Hijau pada tahun ini.

Untuk makluman semua, tahun ini merupakan tahun ke lapan pihak Continental Automative Malaysia Sdn Bhd bekerjasama dengan Majlis Perbandaran Seberang Perai. Program Anugerah Sekolah Hijau ini telah bermula dari tahun 2010 hingga kini.

Selain itu, tidak lupa juga sekalung penghargaan Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang kerana sudi bekerjasama dengan MPSP dalam Anugerah Sekolah Hijau ini. Jutaan terima kasih juga kepada Jabatan Alam Sekitar kerana turut memberi sokongan dalam menjalankan program ini.

Para hadirin sekalian,

Tujuan utama program ini adalah untuk mendidik generasi pelapis masa akan datang supaya menjadikan amalan 4R iaitu Rethink, Reduce, Reuse dan Recycle sebagai satu gaya hidup. Pendekatan secara holistik secara menyeluruh dari peringkat anak-anak sekolah samada sekolah rendah dan menengah adalah penting untuk menjamin bumi kita ini dapat terus dipelihara.

Terdapat 2 ketegori Anugerah Sekolah Hijau, iaitu sekolah menengah dan sekolah rendah.

Bagi ketegori sekolah menengah, bermula dengan 16 buah sekolah pada tahun 2010, jumlah penyertaan telah meningkat kepada 45 buah sekolah pada tahun 2016.

Bagi sekolah rendah pada tahun 2010 bermula dengan 14 buah sekolah, telah meningkat kepada 107 penyertaan pada tahun 2016.

Keseluruhan jumlah sekolah yang menyertai Anugerah Sekolah Hijau ini adalah dari 30 buah sekolah pada 2010 kepada 152 sekolah bagi tahun 2016.

Sekolah-sekolah yang menyertai Anugerah Sekolah Hijau, dibimbing oleh Unit Eko Komuniti MPSP melalui aktiviti Bengkel Sekolah Hijau. Di dalam bengkel ini, para pelajar dan guru akan diberi penerangan akan kepentingan kitar semula, kaedah pengasingan sisa buangan dipunca, membuat baja kompos dari sisa organik serta, pembuatan jus sisa buah-buahan tertapai.

Hadirin yang dihormati,

Pada tahun 2016 kadar kitar semula bagi keseluruhan Seberang Perai adalah 42.60% yang mana telah berjaya ditingkatkan dari 39.64% pada tahun 2015. Kadar kitar semula ini, adalah beratan kitar semula dari pelbagai agensi seperti kilang, pusat kitar semula, ngo dan juga sekolah-sekolah di seluruh Seberang Perai. Jika dilihat dari data yang dikumpul, kadar kitar semula dari sekolah-sekolah di Seberang Perai mewakili 0.02% daripada 42.60% ini, dengan jumlah beratan sisa kitar semula iaitu 128,478 kilo.

Pada tahun ini, MPSP juga akan berusaha untuk meningkatkan program kitar semula barangan di sekolah-sekolah. Salah satunya ialah kerjasama

bersama dengan Syarikat Fraser and Neave (F&N) yang mana program tersebut akan dilancarkan pada 23 Februari 2017 dan hadiah akan ditaja oleh syarikat tersebut.

Saya amat berharap pada tahun 2017 ini akan menyaksikan peningkatan dari segi beratan sisa kitar semula dari pihak sekolah kerana ini akan membantu mengurangkan sampah yang sampai ke tapak pelupusan Pulau Burung. Pengurangan sampah ke Pulau Burung bukan sahaja dapat memanjangkan jangka hayat tapak pelupusan sampah tersebut, namun ia juga dapat mengurangkan kos pembayaran tipping fees yang dikeluarkan oleh pihak MPSP. Jika lebih banyak kos dapat dijimatkan, wang tersebut dapat disalurkan untuk membangunkan dan mengindahkan lagi kawasan Seberang Perai. Mengambil contoh pada tahun 2016 sahaja, sebanyak 434008.51 tan sampah dilupuskan di Pulau Burung, dan jika dikira sebanyak RM 8,766,971.90 telah dibelanjakan untuk membayar tipping fees bagi keseluruhan sampah tersebut .

Di sini juga, saya juga ingin berkongsi matlamat Kerajaan Negeri Pulau Pinang yang telah mensasarkan kadar kitar semula sebanyak 50% bagi keseluruhan Pulau Pinang pada tahun 2020. Jika Negeri Pulau Pinang

ingin menjadi Negeri Mutiara (Smart City), ia mestilah menjadi Bandar hijau (green city) juga.

Konsistensi dalam menjadikan sisa sifar dan pengamalan 4R ini dapat menjadikan sesebuah sekolah sebagai tempat melahirkan generasi yang menghargai dan menjaga alam sekitar.

Hadirin sekalian,

Selain menjalankan aktiviti kitar semula, bermula pada bulan Mac 2017 latihan untuk penjagaan kualiti air sungai akan dijadualkan bagi murid-murid sekolah menengah dan rendah. Program ini dirancang untuk diadakan di Hutan Lipur Cherok To'Kun. Selain daripada pelajar-pelajar diajar untuk menilai kualiti air, mereka juga akan diajar bagaimana menjaga air supaya tidak dicemari. Pemahaman mereka dari bengkel ini akan dinilai dengan mengadakan pertandingan kuiz sekitar pada bulan Oktober 2017.

Melalui Program Anugerah Sekolah Hijau ini, pihak pelajar dan sekolah juga diberi ruang dan peluang untuk melatih diri mereka dari segi bidang keusahawanan dimana, jika mereka mempunyai produk 'upcycle' mereka berpeluang untuk memasarkan produk mereka di Program Car Free Morning anjuran MPSP pada Ahad pertama setiap bulan di Jalan Todak 2 & 3, Seberang Jaya dari jam 8.00 pagi hingga 12 tengahari, dan juga di Carnival Auto City Juru setiap Sabtu pertama jam 6.00 petang hingga 9.00 malam (dirancang bermula pada 4 Mac 2017 di Autocity Juru).

Hadirin sekalian,

Sepanjang Perayaan Tahun Baru Cina tempoh hari (24 hingga 31 Januari 2017), MPSP telah mengutip 6517.05 tan sampah domestik dan 3914.07 tan sampah industri. Manakala bagi Perayaan Tahun Baru Cina 2016 (4 hingga 11 Februari 2016) iaitu sebanyak 5663.04 tan sampah domestik dan 2982.39 tan sampah industri.

Saya menegaskan di sini, penduduk Seberang Perai hendaklah mengasingkan sisa di punca samada rumah, kedai mahupun kilang. Ini kerana pada 1 Jun 2017, penguatkuasaan akan dilaksanakan. Buat masa sekarang, MPSP telah mengeluarkan Notis Pemberitahuan kepada premis-premis yang didapati tidak mengasingkan sisa di punca. Sebanyak 9446 Notis Pemberitahuan telah dikeluarkan dari Ogos hingga Disember 2016 dan pada Januari 2017 pula sebanyak 2071 Notis Pemberitahuan telah dikeluarkan.

MPSP masih lagi dihantui oleh 'illegal dumping'. Kita telah dapat menghapuskan ruang-ruang sampah haram dari 124 lokaliti pada tahun 2014, kepada 72 lokasi pada 2015 dan berkurangan kepada 61 lokasi lokaliti pada tahun 2016.

Masih terdapat individu-individu yang tidak bertanggungjawab, yang masih membuang sisa sampah di merata tempat atau bukan di tempat membuang sampah yang disediakan.

Setelah 7 tahun MPSP melaksanakan Anugerah Sekolah Hijau ini, ramai pelajar-pelajar telah mendapat manfaatnya. Saya berharap pendidikan dan

pengalaman semasa di sekolah dapat diteruskan di Universiti dan juga manfaatnya menjadi budaya dalam kehidupan harian.

Dengan hasrat itu, saya dengan ini berbesar hati melancarkan Anugerah Sekolah Hijau 2017.

Sekian, terima kasih.